

DARWINISME SOSIAL & WHITE MAN'S BURDEN: IDEOLOGI DAN MODERNITI PENJAJAHAN DI BORNEO UTARA

(SOCIAL DARWINISM & THE WHITE MAN'S BURDEN: IDEOLOGY AND COLONIAL MODERNITY IN NORTH BORNEO)

NOORAZMIL, N.¹ – DE SILVA, M.^{1*}

¹ *Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 21st November 2025; revised 14th February 2026; accepted 26th February 2026)

Abstrak. Imperialisme moden kuasa Barat merupakan suatu bentuk penguasaan yang berteraskan ideologi bagi memenuhi kepentingan politik, ekonomi, dan ketamadunan. British muncul sebagai antara kuasa imperial paling dominan dalam sejarah dunia sehingga digambarkan sebagai empayar yang mataharinya tidak pernah terbenam. Namun, penguasaan ini terbentuk secara berperingkat dan dipengaruhi oleh perkembangan pemikiran serta ideologi khususnya Darwinisme Sosial, seiring dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan wacana moderniti di Britain. Penjajahan British bukan sekadar bertujuan menguasai wilayah, tetapi membentuk koloni imperial yang mencerminkan struktur, nilai, dan autoriti Barat, seperti yang berlaku di Borneo Utara. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses perubahan dan permodenan di Borneo Utara selepas kedatangan British dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang melangkaui kepentingan ekonomi semata-mata, merangkumi penstrukturan institusi politik, pengurusan sosial, dan pembentukan wacana ketamadunan. Darwinisme Sosial dan ideologi White Man's Burden berfungsi sebagai kerangka pemikiran yang menormalisasikan penguasaan kolonial dengan memposisikan British sebagai bangsa unggul yang memikul tanggungjawab untuk mentamadunkan masyarakat yang dianggap lemah dan tidak bertamadun. Melalui kerangka ini, penjajahan digambarkan sebagai satu misi kemajuan dan kebajikan, walaupun pada hakikatnya turut mengukuhkan dominasi politik dan ekonomi kolonial. Oleh itu, kajian ini meneliti secara kritikal penjajahan British di Borneo Utara melalui analisis Darwinisme Sosial dan ideologi imperial bagi memahami bagaimana struktur sosial dan ketamadunan wilayah ini dibentuk semula mengikut kepentingan dan wacana penjajahan British.

Katakunci: *British North Borneo Company, moderniti kolonial, imperialisme British, pentadbiran kolonial, transformasi sosioekonomi*

Abstract. Modern Western imperialism was a form of domination grounded in ideology, aimed at fulfilling political, economic, and civilizational interests. Britain emerged as one of the most dominant imperial powers in world history, often described as the empire on which the sun never set. However, this dominance developed gradually and was shaped by evolving intellectual thought and ideological developments, particularly Social Darwinism, alongside the advancement of scientific knowledge and the discourse of modernity in Britain. British colonial expansion was not merely intended to control territory, but to construct imperial colonies that reflected Western structures, values, and authority, as demonstrated in North Borneo. The findings of this study indicate that the processes of transformation and modernization in North Borneo following British arrival were influenced by multiple factors beyond purely economic interests, including the restructuring of political institutions, social administration, and the formation of civilizational discourse. Social Darwinism and the ideology of the White Man's Burden functioned as intellectual frameworks that normalized colonial domination by positioning the British as a superior race bearing the responsibility to civilize societies perceived as weak and uncivilized. Through this framework, colonialism was portrayed as a mission of progress and benevolence, although it also reinforced colonial political and economic dominance. Therefore, this study critically examines British colonialism in North Borneo through an analysis of Social Darwinism and imperial ideology to understand how the social and civilizational structures of the region were reshaped in accordance with British colonial interests and discourse.

Keywords: *British North Borneo Company, colonial modernity, British imperialism, colonial administration, socioeconomic transformation*

Pengenalan

Imperialisme British, juga dapat dikaitkan dengan kolonialisme yang bertumpukan kepada pendudukan mereka atas wilayah asing, bertujuan untuk berkuasa ke atas sistem pentadbiran menerusi tindakan mereka yang berbentuk penjajahan. Tahap kolonialisme British dapat dibahagikan kepada tiga iaitu yang pertama bermula pada tahun 1598 sehingga tahun 1763, disifatkan empayar ini sebagai “Empire of Outpost” disebabkan oleh hanya terdiri daripada pulau, stesen perdagangan di India, Hindia Barat dan Amerika Utara serta tidak berlaku perluasan ke kawasan perdalaman di sebabkan oleh kos yang tinggi. Beliau juga menekankan bahawa pada waktu tersebut Britain bermatlamatkan kepada penubuhkan lebih banyak koloni agar dapat membekalkan bahan-bahan yang diperlukan disebabkan waktu itu perdagangan dilihat sebagai aset yang penting kerana ianya dapat menanggung kos empayar mereka. Maka, Knowles (2022) menekankan bahawa penjajahan British waktu tersebut dikenali sebagai “the old colonial system”, yang bergantung sepenuhnya kepada sistem ekonomi merkantilisme bagi menjaga kestabilan empayar mereka.

Manakala tahap kedua pula bermula pada tahun 1763 sehingga 1869 apabila British telah menguasai Quebec, Kanada pada 1763 dan Syarikat Hindia Timur Inggeris mendapat hak untuk mengutip cukai di Bengal pada tahun 1785. Era ini berakhir pada tahun 1869 ekoran dari pembentukan terusan Suez. Tahap ini sangat penting kepada empayar ini disebabkan oleh pengaruh mereka yang semakin meningkat menerusi penjajahan yang lebih bersifat agresif dan meluas. Tahap ini sebagai “period of continental inland expansion” kerana Britain telah mula menumpukan penjajahan mereka ke atas kawasan mundur dan pedalaman. Seterusnya, tahap ketiga pula bermula pada tahun 1870 dan ketika itu British telah mula dikenali sebagai kuasa besar dunia. (Knowles, 2022) Hal ini disebabkan oleh berlakunya kepesatan revolusi perindustrian serta tahap dimana bermulanya era sistem ekonomi kapitalisme, mewujudkan situasi di mana negara seperti Perancis dan Amerika mula mengamalkan dasar tarif perlindungan menyebabkan Britain terpaksa meluaskan dasar imperialisme untuk mencari kawasan pasaran dan bahan mentah bagi menjaga kepentingan industri di negaranya. Bermulanya pada tahap ini juga, kemunculan teori Darwinisme Sosial dan ideologi seperti “white man Burden” telah dijadikan sebagai alasan Barat khususnya Britain bagi melakukan penjajahan pada skala yang lebih luas dan strategik, dengan menekankan bahawa bangsa mereka mempunyai keistimewaan dan memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik serta mentamadunkan bangsa yang lebih rendah dari mereka.

Situasi ini menyebabkan Barat melihat bangsa lain sebagai subjek kepada imperialisme baru mereka. Menurut Said (1978) Eropah sentiasa mengambil berat ke atas dunia ketimuran. Ini disebabkan oleh potensi yang dimiliki oleh wilayah selain Barat adalah menjamin hasil ekonomi yang memberangsangkan, selain dari pelbagai faktor yang menarik minat mereka untuk melakukan penjajahan. Beliau juga menekankan bahawa penjajahan menjadikan orang yang dijajah itu sebagai perwakilan dengan cara yang streataip yang dianggap berasal dari sikap penjajah iaitu “the orient is an integral part of European material civilization and culture” (Said, 1978). Maka, kewujudan entiti sebuah negara yang merdeka dari penjajahan Barat sebenarnya banyak bergantung kepada ideologi dan doktrin ketamadunan yang diamalkan oleh Barat itu

sendiri, sehinggakan mereka tidak menyedari bahawa perubahan yang mereka capai adalah hasil dari acuan yang telah diterapkan oleh Barat ke atas mereka sewaktu zaman penjajahan. Disebabkan itu, penjajahan Barat khususnya British ke atas Borneo Utara sebenarnya telah mencorakkan suatu perubahan yang sangat signifikan dalam kehidupan dan kemajuan penduduk tempatan di wilayah itu sendiri. Dalam kajian ini, penekanan ke atas dasar imperialisme British di Borneo Utara lebih ditekankan menerusi pengaruh Darwinisme Sosial dan “White Man Burden”, serta perubahan yang berlaku ke atas Borneo Utara sepanjang tempoh penjajahan mereka. Maka, kajian ini juga akan menghuraikan perkaitan di antara ideologi lain yang muncul di wilayah ini hasil dari Darwinisme Sosial, yang mana telah mencorakkan perubahan secara menyeluruh di Borneo Utara.

Sorotan literatur

Sorotan ini menggunakan pendekatan sintesis matriks bagi mengintegrasikan pelbagai kelompok karya ilmiah merentasi empat dimensi analisis iaitu imperialisme, Darwinisme Sosial, ideologi White Man's Burden, serta sejarah Borneo Utara di bawah pemerintahan British. Berbeza daripada pendekatan sorotan literatur yang menilai sumber secara terasing, kaedah ini meletakkan karya teori sebagai lajur konseptual dan kajian sejarah wilayah sebagai baris empirikal, sekali gus membolehkan pemerhatian sistematik terhadap bagaimana ideologi imperial diterjemahkan ke dalam konteks penjajahan. Melalui matriks ini, imperialisme dianalisis bukan sekadar sebagai peluasan wilayah, tetapi sebagai satu sistem pemerintahan yang tersusun dan diperkukuh melalui justifikasi ideologi. Dalam dimensi imperialisme, sumber menunjukkan peralihan daripada perspektif imperialisme sebagai peluasan ekonomi semata-mata kepada tafsiran yang melihatnya sebagai prospek kuasa yang bersifat multidimensi. Imperialisme sebagai mekanisme strategik yang bertujuan mengubah keseimbangan kuasa bagi mengurangkan kerentanan politik dan strategik, manakala Said (2014) mengkonseptualisasikan imperialisme sebagai sebahagian daripada usaha Eropah yang lebih luas untuk menguasai wilayah dan masyarakat yang jauh melalui dominasi dan representasi. Perspektif ini diperkukuh oleh analisis institusi yang menekankan struktur pemerintahan kolonial. Huff dan Angeles (2011), menyatakan bahawa pengaruh kolonial beroperasi melalui kerangka perundangan, pemusatan pentadbiran, sistem birokrasi, rejim pemilikan harta, dan mekanisme perdagangan yang secara beransur-ansur mengubah organisasi politik serta kelas pemerintah masyarakat pribumi. Dalam konteks matriks, imperialisme muncul sebagai strategi geopolitik di peringkat makro dan juga sebagai proses pentadbiran di peringkat mikro yang membentuk semula struktur masyarakat yang dijajah.

Manakala sumber mengenai Darwinisme Sosial pula menduduki kedudukan penting dalam matriks sebagai logik ideologi yang menormalisasikan dominasi imperial. Claeys (2000) menelusuri akar intelektual Darwinisme kepada pemikiran Malthus, manakala Runciman (2009) memperjelaskan perbezaan antara Darwinisme sebagai teori biologi dan Darwinisme Sosial sebagai peluasan normatif ke dalam domain sosial dan budaya. Shackelford dan Weekes-Shackelford (2021) menyediakan takrif operasional dengan mentakrifkan Darwinisme Sosial sebagai penerapan teori evolusi ke dalam sistem politik, ekonomi, dan sosial. Apabila disintesiskan, karya-karya ini menunjukkan bahawa Darwinisme Sosial berfungsi kurang sebagai doktrin saintifik dan lebih sebagai pandangan dunia berorientasikan dasar yang melegitimasi hierarki, ketidaksamarataan,

dan dominasi dengan menampilkan fenomena tersebut sebagai hasil daripada pemilihan alam dan bukannya atas faktor dominasi politik.

Fungsi ideologi ini menjadi lebih jelas dalam kajian yang mengaitkan Darwinisme Sosial dengan persaingan imperial dan hierarki perkauman. Weikart (1993) mengenal pasti Darwinisme Sosial sebagai peralihan penting dalam pemikiran sosial Eropah pada akhir abad kesembilan belas khususnya dalam penggunaannya untuk membenarkan eugenik, rasisme, dan peluasan imperial. Nollet (2013) pula menunjukkan bagaimana konsep survival of the fittest menyokong tuntutan keunggulan bangsa Eropah, sekali gus mengukuhkan persaingan penjajahan ke atas wilayah dan pasaran. Paul (2003) mengukuhkan hujah ini dengan menunjukkan bagaimana konsep Darwinian disesuaikan bagi merasionalisasikan penyingkiran masyarakat yang lebih lemah oleh pihak yang lebih kuat. Menerusi perbandingan sumber, kajian-kajian ini menjelaskan bagaimana peluasan imperial dibingkaikan secara ideologi sebagai tidak dapat dielakkan dan bermoral sehingga keganasan dan eksploitasi ditafsirkan sebagai manifestasi kemajuan.

Ideologi White Man's Burden pula mewakili dimensi moral dan wacana dalam matriks ini. Walaupun berpunca daripada sajak Kipling, namun literatur menunjukkan bahawa konsep ini melangkaui ekspresi sastera semata-mata. Said (1978) meletakkan White Man's Burden dalam kerangka wacana Orientalisme di mana masyarakat bukan Barat dibina sebagai primitif, pasif, dan memerlukan bimbingan. Said (2014) seterusnya mengaitkan wacana ini dengan pemerintahan imperial, dengan menegaskan bahawa dominasi budaya beroperasi seiring dengan kawalan politik dan ekonomi. Mail et al. (2014) menunjukkan bagaimana aktiviti mubaligh dan pendidikan dibingkaikan sebagai tugas suci yang menyelaraskan kewajipan moral dengan peluasan imperial. Riser (2001) pula menambah dimensi sosiologi dengan menunjukkan bagaimana retorik empayar diterima oleh golongan elit Barat yang berpendidikan dan moden, menjadikan misi pemodenan sebagai teras identiti imperial. Dalam konteks ini, White Man's Burden berfungsi sebagai bahasa legitimasi yang menyelindungi dominasi di sebalik naratif kemanusiaan dan ketamadunan.

Jikalau dilihat menerusi perspektif sejarah Borneo Utara, sumber-sumber ini menyediakan asas empirikal untuk meneliti bagaimana ideologi-ideologi ini diaplikasikan dalam praktik. Kajian sejarah oleh Massey (2006), Singh (2000) dan Black (1984) mendokumentasikan bagaimana British North Borneo Company (BNBC) menginstitusikan pemerintahan kolonial melalui jabatan birokrasi, sistem ekonomi berasaskan perladangan, dan pemusatan pentadbiran. Mail et al. (2014) mengaitkan perkembangan ini dengan teori pengurusan dan reka bentuk institusi, manakala Osman (1989) menunjukkan bagaimana dasar kebajikan, kesihatan, dan pendidikan berfungsi sebagai mekanisme kemanusiaan dan kawalan sosial. Menerusi perbandingan sumber, Borneo Utara muncul bukan sekadar sebagai wilayah jajahan, tetapi sebagai medan pertembungan imperialisme, Darwinisme Sosial, dan White Man's Burden yang menghasilkan satu bentuk moderniti kolonial berasaskan eksploitasi ekonomi, penstrukturan institusi, dan kejuruteraan sosial.

Secara keseluruhannya, perbandingan sumber-sumber ini mendedahkan satu jurang penting dalam literatur sedia ada. Walaupun imperialisme, Darwinisme Sosial, dan White Man's Burden telah banyak dibahaskan secara teori, dan sejarah Borneo Utara telah didokumentasikan dengan baik namun kajian yang mengintegrasikan dimensi-dimensi ini dalam satu kerangka analisis yang menyeluruh masih terhad. Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menunjukkan bagaimana Darwinisme Sosial dan White Man's Burden beroperasi sebagai ideologi saling berkait yang membentuk dasar dan

amalan penjajahan British di Borneo Utara. Dengan meletakkan pemerintahan BNBC dalam matriks ideologi ini, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih bernuansa tentang moderniti kolonial sebagai suatu proses sejarah yang bersyarat yang didorong bukan sahaja oleh kepentingan ekonomi, tetapi juga oleh justifikasi intelektual dan moral yang lebih mendalam.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berteraskan kepada penyelidikan sejarah bagi meneliti pengaruh Darwinisme Sosial dan ideologi White Man's Burden terhadap dasar serta amalan penjajahan British di Borneo Utara melalui pentadbiran British North Borneo Company. Selaras dengan disiplin sejarah, kajian ini menekankan analisis kontekstual dan kronologi, selain dari melihat hubungan antara idea, ideologi, dan pelaksanaan dasar kolonial. Tumpuan diberikan kepada bagaimana wacana imperial dan ideologi ketamadunan diterjemahkan ke dalam struktur pentadbiran, ekonomi, dan intervensi sosial, sekali gus membentuk proses moderniti kolonial di Borneo Utara. Sumber kajian merangkumi sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada dokumen pentadbiran kolonial, rekod kerajaan, perbahasan Parlimen British seperti Hansard, serta penulisan kontemporari era penjajahan. Sumber sekunder pula melibatkan buku ilmiah, artikel jurnal berwasit, tesis, dan kajian sejarah berkaitan imperialisme, Darwinisme Sosial, White Man's Burden, dan sejarah Sabah. Analisis dijalankan melalui pembacaan kritikal terhadap teks kolonial dan kajian historiografi dengan menggunakan pendekatan sintesis matriks bagi mengenal pasti persilangan antara ideologi dan pelaksanaan dasar. Kaedah ini membolehkan tafsiran yang lebih sistematik di samping memastikan ketelitian akademik melalui triangulasi sumber.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Imperialisme

Menurut ahli teori politik seperti Morgenthau dan Cohen, imperialisme adalah manifestasi sederhana dari keseimbangan kuasa dan merupakan suatu proses dimana negara barat berusaha untuk mencapai perubahan yang menguntungkan dalam status quo, maka tujuan imperialisme adalah untuk mengurangkan kerentanan strategik dan politik dalam sesebuah negara. Said (2014) menjelaskan imperialisme dalam tahap yang paling asas iaitu penjelajahan barat yang memikirkan mengenai penempatan (kolonialisme), menguasai wilayah yang belum dimiliki yang jauh dari negara asal dan didiami oleh penduduk peribumi. Imperialisme moden Barat merupakan salah satu bentuk penjelajahan dan penerokaan untuk memberi perlindungan kepada kepentingan ekonomi empayar mereka. Menurut Scott (1921), imperialisme British dikatakan bermula pada abad ke-14 lagi dengan hasrat untuk menguasai perdagangan dan sumber pengeluaran menerusi pembiayaan modal oleh beberapa golongan berada untuk meneroka kawasan baru yang semakin berkembang, menandakan bermulanya era "regulated company for foreign trade" (Mail et al., 2014). Disebabkan itu, kerajaan pusat sentiasa memberikan sokongan ke atas apa-apa jua usaha imperialisme yang diusahakan oleh syarikat-syarikat di seberang laut. Fenomena ini seperti yang dijelaskan oleh Ferguson (2003) iaitu:

“The protection of a country’s existing foreign interests, the capture of new markets, the progress of economic imperialism-there are a scarcely avoidable part of scheme of things which aims at the maximum of international specializaton and the maximum geographical diffusion of capital wherever its seat of ownership...”

Walau bagaimanapun, pengaruh imperialisme yang memungkinkan penjajahan kuasa barat ke atas Asia Tenggara telah mewujudkan pembentukan pengaruh dasar kolonialisme pada akhir abad ke-19. Menurut Said (2014), beliau melihat imperialisme barat sebagai “...part of the general European Effort to rule distant lands and peoples...” Hal ini demikian kerana penjajahan yang telah dilakukan oleh British telah banyak dipengaruhi oleh ideologi dan teori-teori penjajahan yang baharu, menyebabkan mereka telah membawa masuk dan mengaplikasikan ideologi pemikiran dan kebudayaan Barat yang mereka amalkan sebagai salah satu bentuk pembentukan proses sosial dalam kehidupan masyarakat yang mereka jajah. Menurut Huff dan Angeles (2011) pengaruh kolonial yang dimaksudkan adalah bentuk pengurusan dan pentadbiran seperti peraturan dan perundangan, pemusatan pentadbiran, bentuk birokrasi imperial, dasar pemilikan harta dan pengagihan kekayaan, kaedah perdagangan serta serentak dengan fenomena itu, ia telah mengalami transisi yang mengubah struktur politik organisasi dan kelas pemerintah tradisional masyarakat yang dijajah secara beransur-ansur (Mail et al., 2014).

Penjajahan barat khususnya British sebagai salah sebuah kuasa imperialis dunia pada abad ke-19 adalah berlaku secara langsung, bermaksud penjajahan tersebut adalah berbentuk pencatutan strategik yang mereka praktikkan berlandaskan kepada ideologi dan tahap pemikiran mereka ke atas tahap sosial masyarakat yang mereka jajah. Meneliti perkembangan imperialisme moden yang telah berlaku secara berperingkat dalam sejarah British, imperialisme moden berlaku disebabkan oleh dasar tekanan ekonomi yang wujud dalam kalangan kuasa besar ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, Perancis, Jerman dan Belanda. Menurutnya, subjek kepada kekuasaan melihat kepada penguasaan atau penjajahan, sementara objeknya adalah sumber seperti manusia atau material. Oleh itu, mereka memperoleh sumber dengan cara penaklukan wilayah-wilayah baru. Situasi ini menyebabkan British sentiasa mencari peluang dalam mengekalkan posisinya sebagai pemegang kuasa ekonomi dan hegemoni dunia pada abad ke-19 dan ke-20. Kewujudan teori evolusi oleh Charles Robert Darwin kemudiannya telah membuka lembaran sejarah baru dalam mengubah struktur sosial manusia dengan menerapkan konsep proses evolusi sosial. Menurut Runciman (2009) teori seleksi alam hanyalah satu kes khas dari teori evolusi yang bukan sahaja merangkumi evolusi kimia, haiwan dan tumbuhan yang mendahului pendekatannya, namun kemudiannya ia juga merangkumi evolusi budaya dan kemasyarakatan manusia. Penemuan ini menyebabkan terdapat beberapa pihak dari kalangan ahli akademik, politik dan perniagaan yang mengambil kesempatan dengan menjustifikasikan tindakan mereka untuk mempromosikan penjajahan dengan merujuk kepada Darwinisme Sosial. Perkembangan ini kemudiannya telah menarik minat pelbagai pihak khususnya para pelabur dan ahli perniagaan British yang sentiasa mencari peluang untuk memperoleh sumber dan meluaskan pasaran mereka. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja akan meneliti kemunculan darwinisme sosial dalam mempengaruhi imperialisme British, malah ideologi seperti White Man's Burden juga akan diperincikan dalam kajian ini.

Darwinisme Sosial dan White Man's Burden

Kemunculan teori evolusi pada tahun 1859 oleh Charles Darwin menerusi Origin of Species telah menjadi satu kontroversi yang besar dalam dunia akademik. Menurut Claeys (2000) penulisan Thomas Robert Malthus iaitu Essay on population yang telah mempengaruhi Darwin untuk menciptakan teori tersebut dan kemudiannya telah mencadangkan idea iaitu "On the whole best fitted live". Oleh itu, terdapat dua terma yang memisahkan cabang teori ini iaitu darwinism yang merujuk kepada pemilihan alam, menekankan bahawa hanya spesies yang paling kuat sahaja layak untuk hidup dalam konteks sains. Kemudiannya terma darwinisme ini kemudiannya berkembang menjadi Darwinisme sosial yang mempromosikan survival of the fittest dalam konteks sosial manusia yang menekankan bahawa hanya manusia yang paling kuat sahaja yang layak untuk menguasai bangsa manusia yang lemah dan tidak bertamadun. Menurut Rogers (1972) kemudiannya teori ini berkembang menjadi slogan utama pengikut neo-darwinist yang berkehendak untuk melihat kehidupan masyarakat manusia menerusi kaca mata darwin terhadap dunia haiwan. Idea ini kemudiannya berkembang dengan luas sebagai Darwinisme Sosial pada tahun 1880 dalam cabang sains kemanusiaan terutamanya dalam menjelaskan mengenai bagaimana konsep survival of the fittest cuba mempengaruhi sesuatu tindakan manusia yang jauh lebih kuat ke atas manusia lain yang lemah, serta mereka yang kuat juga mempunyai hak dalam menentukan nasib manusia lemah yang mereka kawal. Manakala Shackelford dan Weekes-Shackelford (2021) mentakrifkan Darwinisme Sosial sebagai salah satu usaha yang mengaplikasikan teori evolusi Darwin dalam teori sosial, sistem politik, ekonomi dan cabang bidang yang lain dalam kehidupan manusia. Konteks ini juga dihuraikan oleh Claeys (2000) menerusi:

"it challenges the view that the logic of discovery in the natural sciences, in other words, induced parallel or derivative concepts in the social science and that the survival of the fittest emerged first as a natural and then mutated into a social concept"

Situasi ini seperti yang dijelaskan oleh Gough et al. (2008) iaitu Darwin cuba untuk membuat perbezaan antara penerapan pemilihan alam untuk memahami tingkah laku manusia dan juga pilihan persaingan dalam penerapan variasi keturunan untuk memahami evolusi sosio-kultural manusia. Berbeza dengan Herbert Spenser yang lebih tertumpu kepada bidang kemanusiaan dan mengutarakan Darwinisme Sosial sebagai penjelasan kepada konteks evolusi sosial manusia, teori ini lebih dikenali sebagai ideologi politikal yang memperjuangkan "improving the human race" (Shackelford dan Weekes-Shackelford, 2021). Kemunculan idea ini telah menyebabkan kuasa barat mendakwa bahawa bangsa mereka lebih mempunyai kuasa yang Superior kerana mereka adalah bangsa yang terpilih dan berhak untuk menguasai bangsa lain yang mereka kategorikan sebagai Inferior. Mereka juga percaya bahawa sebagai bangsa berkulit putih, mereka adalah dominan dan penaklukan bangsa "inferior" bagi mereka adalah kehendak semulajadi yang merupakan salah satu dari cara mereka untuk memperbaiki sifat-sifat kemanusiaan yang sebenar. Tambahan pula, penjajahan bangsa yang mereka anggap sebagai "inferior" oleh orang barat dan pemusnahan cara atau gaya hidup asal bangsa tersebut adalah berpaksikan kepada kehendak alam itu sendiri, yang menjadikan bangsa Eropah sebagai bangsa penguasa dan pentamadun manusia seperti apa yang mereka percayai dalam Darwinisme Sosial, bahawasanya ia adalah disebabkan oleh seleksi alam. Fenomena ini seperti yang dijelaskan oleh Veblen (2017) iaitu naluri manusia adalah merupakan suatu kebanggaan khas yang ditermakan sebagai naluri

pekerjaan, menjadikan ianya sebagai pemacu kreatif dalam kemajuan manusia, yang mana orang barat menggunakan naluri mereka untuk menentukan kedudukan mereka dalam hierarki bangsa manusia itu sendiri. Claeys (2000) juga menyatakan satu konteks bagi menyokong hujah ini iaitu:

“with the extention of doctrine that ‘might is right’ to international conflict and the rendering of darwinism in the term of efficiency resting on force. Warfare between nation at the time of critical intra-european economic military, and imperial competitions was increasingly praised as a salutary means of testing the criteria of survival”

Fenomena yang wujud disebabkan oleh kemunculan Darwinisme Sosial menjadikan imperialisme barat semakin berleluasa pada akhir kurun abad ke 19. Disebabkan itu, teori ini telah mencipta perbezaan dalam sejarah teori sosial Eropah menjelang tahun 1890 (Weikart, 1993). Beliau juga berkata bahawa ramai dalam kalangan orang barat yang menggunakan argumentasi Darwinisme Sosial untuk mempertahankan aliran eugenic, rasisme dan juga kegiatan imperialsme. Perkembangan teori Darwinisme Sosial pada akhir abad ke-19 telah mempengaruhi persaingan dalam kalangan kuasa Barat khususnya British yang berlumba-lumba untuk mendapatkan tanah jajahan, penguasaan ke atas pasaran dan tanah jajahan kepada mereka. Menurut Nollet (2013) perkembangan imperialisme tersebut yang disebabkan oleh Darwinisme Sosial menyebabkan wujudnya perspektif bahawa bangsa Eropah memiliki status dan kedudukan yang tinggi dalam kalangan bangsa manusia yang menjadi penyebab kepada tindakan mereka untuk menguasai bangsa yang lemah menerusi penjajahan menerusi konsep survival of the fittest. Oleh itu, kuasa barat telah meletakkan Darwinisme Sosial sebagai platform untuk mereka menjalankan imperialisme yang juga diperjuangkan sebagai satu bentuk instrumen baru yang diperjuangkan oleh ahli teori perkauman dan golongan yang memperjuangkan ketamadunan. British mula meletakkan keunggulan bangsa mereka sebagai faktor untuk memperjuangkan penguasaan ke atas bangsa yang lemah. Perkara ini seperti yang dijelaskan oleh Paul (2003) iaitu:

“...straight line ran from Darwin’s theory (a dogma of darkness and death) to belief that is right for the strong to crowd out the weak, and that the only hope for human improvement lay in selective breedings.”

Selaras dengan perkembangan Darwinisme sosial pada abad ke-19, Rudyard Kipling, seorang karyawan imperial British telah menciptakan sajak White Man's Burden sebagai respon kepada tindakan Amerika Syarikat yang telah mengambil alih Filipina dalam perang Spanish-American, yang disebabkan oleh Amerika merasakan situasi semasa Filipina ketika itu tidak membenarkan mereka untuk memperoleh kemerdekaan. Hal ini demikian kerana Filipina masih belum mencapai tahap ketamadunan seperti yang dimiliki oleh Amerika ketika itu. Sajak yang berbentuk ideologi perkauman tersebut mempunyai banyak persamaan dengan Darwinisme Sosial dalam konteks imperialisme kerana ia dianggap sebagai salah satu mekanisme dalam mempengaruhi kegiatan imperialisme dengan menyebarkan fahaman bahawa sebagai bangsa yang unggul, orang barat telah diberikan satu beban iaitu membantu bangsa lain yang lagi lemah dari mereka. Tujuan utamanya adalah untuk mendidik dan mentamadunkan bangsa yang mereka anggap lemah dan tidak berkemampuan untuk mewujudkan satu

peradaban yang setaraf seperti apa yang barat miliki. Disebabkan itu juga, sajak ini memberi tanggapan kepada orang Barat yang menganggap mereka mempunyai kewajiban yang sangat besar untuk menyebarkan idea dan pengetahuan yang dimiliki oleh barat ke seluruh dunia. Jika sesuatu bangsa mengamalkan agama atau budaya yang berbeza dari mereka, maka taraf mereka akan dilihat lebih rendah. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh Said (1978) menerusi bukunya orientalisme iaitu “disebalik topeng lelaki berkulit putih tersemat semangat dan kepimpinan dan sentiasa bersedia untuk menggunakan kekerasan sama ada untuk membunuh atau dibunuh. Apa yang menyebabkan misinya itu bermaruah adalah dedikasinya terhadap intelektual, yang bukan untuk mengaut keuntungan semata-mata, namun disebabkan oleh mereka ‘bintang yang terpilih’ menyebabkan mereka duduk jauh di atas keuntungan duniawi”

Disebabkan itu, sajak ini dianggap sebagai platform kuasa barat yang sangat berkuasa dan berpengaruh, serta memihak kepada kegiatan imperialisme. Disebabkan itu, frasa White Man's Burden seringkali digunakan untuk meringkaskan sikap tanggungjawab mereka terhadap bangsa yang bukan dari barat. Majoritinya kuasa barat bersetuju dengan apa yang ditulis dalam sajak Kipling yang berfikir bahawa manusia di luar Eropah dan Amerika adalah bangsa yang primitif dan jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek, dan mereka memerlukan bantuan serta bimbingan dari negara-negara Barat yang lebih maju dan bertamadun. Walaupun pada mulanya sajak ini ditulis bertujuan untuk memprotes tindakan Amerika terhadap filipina, namun tanggapan yang salah dari Barat itu sendiri dan pengeksploitasian makna dalam konteks sajak tersebut bagi memenuhi kepentingan mereka menjadikan sajak ini sebagai alasan kepada berlakunya imperialisme yang bertujuan untuk mengubah hidup berjuta-juta orang. Menurut Mail et al. (2014), Kipling menyifatkan bahawa tindakan mubaligh agama kristian melancarkan imperialisme adalah salah satu tugas suci bangsa kulit putih untuk menyebarkan agama kristian kepada bangsa-bangsa lain, disamping menyebarkan pengetahuan yang bertujuan untuk mendidik mereka ke arah ketamadunan. Bagi memenuhi kepentingan empayar mereka, penjajahan yang bermatlamatkan ekonomi adalah merupakan objektif asal mereka, namun seperti yang ditekankan oleh Riser (2001) terhadap orang Barat iaitu “embracing the rhetoric of empire, a new generation of white man: educated, urban and borgeois” menyebabka orang Barat terpaksa berpegang kepada tugas mereka sebagai bangsa unggul untuk melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap bangsa lemah yang mereka kuasai seperti apa yang mereka percayai dalam Darwinisme Sosial.


Moderniti penjajahan ke atas Borneo Utara

Semenjak bermulanya penjajahan British North Borneo Company (BNBC) ke atas Borneo Utara, wilayah ini telah mengalami pelbagai perubahan hasil dari modenisasi yang telah dibawa oleh British itu sendiri. Selain dari objektif mereka untuk menguasai ekonomi, mereka juga menitikberatkan penstrukturan semula institusi politik dan pembangunan sosial. Hal ini seperti yang dinyatakan iaitu sistem pentadbiran dan pengurusan negara-negara yang pernah dijajah biasanya akan dipengaruhi oleh ciri-ciri sistem pentadbiran dan pengurusan yang pernah dilaksanakan oleh negara yang menjajah. Menerusi dasar imperialsime yang dijalankan oleh British ke atas Borneo Utara, memang jelas niat utama mereka adalah untuk mengeksploitasi sumber kekayaan ekonomi yang wujud di wilayah ini. Namun, dalam masa yang sama, mereka juga mempunyai niat untuk menaik taraf sistem dan perkembangan ekonomi di Borneo Utara. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Mr. Anthony Barber iaitu “to promote

economic development... in the less-developed areas of the world...". Fenomena ini juga berlaku disebabkan oleh perubahan yang ingin dibawa oleh Barat ke atas penduduk tempatan seperti yang dinyatakan oleh Said (2014) iaitu:

"the notions about bringing civilization to primitive or barbaric peoples, the disturbingly familiar ideas about flogging or death or extended punishment being required when 'they' misbehaved or become rebellious, because 'they' mainly understood force or violent best 'they' were not like 'us' and for that reason deserved to be ruled."

Dari sudut teori pengurusan, pengurusan BNBC sepatutnya telah melakukan hal-hal dalam menghasilkan keperluan terhadap mekanisme kawalan dan pemantauan untuk menjamin survival pentadbiran mereka serta penguasaan British ke atas Borneo Utara. Sepanjang penjajahan BNBC, pelbagai potensi dan sumber ekonomi yang telah diterokai dengan fokus utamanya adalah sektor pertanian melalui aktiviti perladangan. Semua hasil-hasil yang terdapat di wilayah ini juga telah diteroka untuk dikomersilkan oleh golongan peneroka, pedagang dan pemodal yang telah bertindak melalui syarikat BNBC dengan campur tangan dan pengaruh langsung dari kerajaan pusat. Dalam aspek politik pula BNBC telah mengamalkan sistem birokrasi, bertujuan untuk mempercepatkan pentadbiran mereka disamping memastikan pentadbiran yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kehendak kerajaan pusat yang mana Gabenor dilantik untuk mengetuai pentadbiran dan memastikan pentadbiran yang dijalankan adalah mengikut kehendak British, terutamanya dalam mewujudkan sistem residen di setiap daerah di wilayah ini. Dalam aspek politik juga, beberapa jabatan telah diwujudkan dan diantaranya adalah treasury, land and survey, public work, Harbour, medical judicial serta constabulary department. Malah, negara-negara barat juga mempunyai saluran aid system mereka yang tersendiri dalam menyalurkan bantuan berbentuk dana kemanusiaan terutamanya ke atas negara-negara yang belum maju dan mundur. Sistem ini ditunjukkan dalam *Rajah 1*.



Rajah 1. Struktur sistem bantuan asas 'aid system'.

Dalam sistem ini, terdapat dalam kalangan pelabur atau orang kaya yang berpengaruh terutamanya dalam institusi gereja yang menghulurkan bantuan untuk

membantu menyebarkan ketamadunan menerusi penubuhan institusi gereja dan menghantar golongan misionari untuk mendidik penduduk tempatan. Hal ini juga seperti yang dinyatakan iaitu golongan mubaligh kristian adalah golongan yang dianggap mengagumkan, mereka juga adalah penjanjur kemakmuran kepada bangsa lain serta menjadi dasar kepada aspek ketamadunan dimana pun mereka menetap.

Dalam aspek sosial pula, penjajahan BNBC juga telah mewujudkan satu sistem social welfare untuk membantu meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan walaupun perkembangannya adalah agak lembab jika dibandingkan dengan pasca kemerdekaan wilayah ini. Namun, niat utama BNBC mewujudkan sistem ini seperti yang dinyatakan oleh Wang dalam Sullivan dan Leong (1981) untuk "...to cultivate friendly relations with the local people under their control and any changes they might wish to introduce should be effected gradually with due regard to the existing custom and habits of the people." Disebabkan itu, tumpuan ke atas menaiktaraf aspek kesihatan lebih dititikberatkan disebabkan oleh penyakit yang wujud di wilayah ini terutamanya malaria. Hal ini seperti yang dinyatakan bahawa penyakit tersebut sudah menjadi agenda penting BNBC terutamanya dalam memperkenalkan polisi yang khusus untuk menangani masalah ini. Bukan itu sahaja, sejak dari bermulanya penjajahan ini, perhambaan di Borneo Utara juga telah dihapuskan, dan aspek pendidikan telah mula diberikan perhatian semenjak dari pentadbiran William Hood Treacher yang bermula di Sandakan. Kewujudan sistem pendidikan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendidik penduduk tempatan, malah ianya juga merupakan seruan yang mereka sahut berdasarkan dari White Man's Burden iaitu untuk mempromosikan ketamadunan dan menyebarkan agama kristian. Usaha ini berlaku ekoran dari penubuhan sekolah-sekolah mubaligh utama di Borneo Utara seperti The Catholic Mill Hill Mission, St. Mary dan St. Michael pada akhir abad ke-19. Perkara ini seperti apa yang ditekankan oleh Said (2014) "men for whom the native can be educated into 'our' civilization".

Transformasi yang berlaku di Borneo Utara di bawah pentadbiran BNBC perlu difahami sebagai satu bentuk moderniti kolonial yang bersifat terancang dan bukannya sebarang bentuk perubahan secara semula jadi atau neutral. Seperti yang diujahkan oleh Massey (2006) dan Black (1984), BNBC berfungsi sebagai entiti hibrid yang menggabungkan kuasa korporat dan autoriti kedaulatan. Struktur ini membolehkan BNBC melaksanakan pembaharuan pentadbiran dan ekonomi atas nama kemajuan, sedangkan matlamat asasnya kekal berpaksi kepada kepentingan empayar British. Dalam konteks ini, modernisasi bukan sekadar membawa kemajuan material, tetapi dalam masa yang sama menjadi instrumen untuk mengukuhkan kawalan politik dan ekonomi ke atas wilayah jajahan. Penstrukturan semula institusi politik oleh British North Borneo Company mencerminkan logik pemerintahan imperial yang lebih luas pada akhir abad ke-19, khususnya dalam usaha memusatkan kuasa dan menstruktur semula autoriti politik di wilayah jajahan. Penubuhan sistem birokrasi serta jabatan khusus seperti land and survey, treasury, dan judicial department bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan pentadbiran, tetapi berfungsi sebagai instrumen penting untuk mengukuhkan kawalan kolonial. Singh (2000) menunjukkan bahawa pemusatan pentadbiran ini secara beransur-ansur menghakis peranan institusi tradisional dan kepimpinan tempatan, seterusnya menggantikannya dengan hierarki kolonial yang bergantung sepenuhnya kepada arahan dan kepentingan British. Dalam konteks ini, birokrasi kolonial bukan sekadar struktur pentadbiran moden, tetapi satu mekanisme kuasa yang menyusun semula hubungan antara pemerintah dan yang diperintah.

Lebih penting lagi, moderniti pentadbiran yang diperkenalkan oleh BNBC harus ditafsirkan sebagai satu bentuk kawalan hegemonik yang bersifat menyeluruh. Selain penguasaan melalui undang-undang dan pentadbiran, sistem ini turut disokong oleh dasar pendidikan yang berteraskan nilai dan ideologi Barat, bertujuan membentuk cara berfikir dan tingkah laku masyarakat tempatan agar selari dengan kepentingan kolonial. Pendekatan ini sejajar dengan hujah Said (2014) yang menegaskan bahawa imperialisme beroperasi melalui pembentukan pengetahuan dan institusi yang menormalisasikan dominasi. Oleh itu, penstrukturan institusi politik dan pendidikan di Borneo Utara tidak boleh dilihat sebagai proses pemodenan yang neutral, sebaliknya sebagai strategi imperial untuk mengurangkan penentangan, mengawal wacana politik, dan memastikan kelangsungan pemerintahan British dalam jangka panjang. Dari sudut ekonomi, penekanan terhadap sektor perladangan dan eksploitasi sumber asli di Borneo Utara memperlihatkan sifat pembangunan kolonial yang bersifat selektif dan eksploitatif. Kajian oleh Mail et al. (2014) serta Massey (2006) menunjukkan bahawa integrasi wilayah ini ke dalam ekonomi kapitalis global berlaku dalam kerangka yang tidak seimbang, di mana pemilikan modal, kawalan terhadap pasaran, dan aliran keuntungan utama dimonopoli oleh pelabur British dan syarikat berkepentingan empayar. Pembangunan ekonomi yang digerakkan melalui BNBC lebih tertumpu kepada pengeluaran komoditi untuk pasaran antarabangsa, berbanding pemerksaan ekonomi tempatan. Akibatnya, masyarakat pribumi diletakkan dalam kedudukan subordinat sebagai tenaga buruh dan pengguna pasif, tanpa akses bermakna kepada pemilikan aset, pembuatan keputusan ekonomi, atau pengagihan keuntungan yang adil.

Keadaan ini mewujudkan corak kebergantungan ekonomi yang berpanjangan, di mana struktur ekonomi kolonial direka untuk menyokong kepentingan empayar, bukannya pembangunan autonomi masyarakat tempatan. Walaupun pembinaan infrastruktur seperti ladang, pelabuhan, dan jaringan pengangkutan sering ditampilkan sebagai bukti kemajuan, manfaatnya lebih banyak dinikmati oleh ekonomi kolonial dan pelabur asing. Fenomena ini selari dengan kritikan Easterly (2006) yang menegaskan bahawa wacana pembangunan kolonial dan bantuan sering berfungsi sebagai mekanisme kawalan yang mengekalkan ketidaksamarataan struktur, bukannya sebagai usaha pembebasan ekonomi. Dalam konteks Borneo Utara, pembangunan ekonomi kolonial bukan sahaja gagal mengurangkan jurang kuasa ekonomi, malah mengukuhkan dominasi British melalui sistem pengeluaran dan perdagangan yang mengekang mobiliti sosial dan ekonomi penduduk tempatan. Pendekatan kebajikan sosial yang diperkenalkan oleh British North Borneo Company perlu ditafsirkan dalam kerangka pengurusan populasi kolonial, bukannya semata-mata sebagai usaha kemanusiaan yang bersifat altruistik. Seperti yang dihuraikan oleh Sullivan dan Leong (1981), penekanan terhadap kesihatan awam khususnya usaha membanteras malaria berkait rapat dengan keperluan kolonial untuk memastikan kestabilan pentadbiran dan kelangsungan produktiviti tenaga buruh. Penyakit tropika dilihat sebagai ancaman bukan sahaja kepada kesejahteraan penduduk tempatan, tetapi juga kepada keberkesanan sistem ekonomi perladangan dan keselamatan pegawai kolonial. Dalam konteks ini, kesihatan awam diberi keutamaan sejauh mana ia menyokong fungsi ekonomi dan pentadbiran kolonial, bukannya sebagai hak sosial yang bersifat menyeluruh.

Selain itu, dasar kebajikan sosial ini turut berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang lebih halus dan berkesan. Dengan memperkenalkan perkhidmatan kesihatan, bantuan sosial terhad, dan campur tangan kebajikan secara berperingkat, BNBC dapat membina hubungan yang lebih terkawal dengan masyarakat tempatan serta

mengurangkan potensi penentangan terbuka. Pendekatan ini selari dengan hujah Said (2014) yang menegaskan bahawa imperialisme moden beroperasi bukan hanya melalui paksaan fizikal, tetapi juga melalui pembentukan struktur sosial dan pengurusan kehidupan seharian masyarakat yang dijajah. Justeru, kebajikan sosial dalam konteks Borneo Utara harus difahami sebagai sebahagian daripada strategi imperial yang menyelaraskan kepentingan kemanusiaan dengan keperluan penguasaan, sekali gus mengukuhkan dominasi British melalui pengawalan kesihatan, tingkah laku, dan kesejahteraan penduduk tempatan. Dalam konteks ideologi, dasar kebajikan dan pendidikan yang dilaksanakan oleh BNBC tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh Darwinisme Sosial dan ideologi White Man's Burden. Seperti yang diujulkan oleh Nollet (2013) dan Weikart (1993), Darwinisme Sosial menyediakan kerangka pemikiran yang menormalisasikan hierarki antara bangsa dengan mengaitkan kemajuan dan ketertinggalan sebagai hasil proses pemilihan alam. Kerangka ini membolehkan ketidaksamarataan sosial dan politik dilihat sebagai fenomena semula jadi, sekaligus membenarkan campur tangan terhadap masyarakat yang dikategorikan sebagai lemah, mundur, atau tidak bertamadun. Dalam wacana imperial, campur tangan ini tidak dianggap sebagai penindasan, sebaliknya ditafsirkan sebagai tanggungjawab moral dan intelektual Barat untuk membimbing masyarakat lain ke arah ketamadunan.

Di Borneo Utara, ideologi ini diterjemahkan secara praktikal melalui dasar kolonial yang memposisikan masyarakat tempatan sebagai subjek pentadbiran yang perlu dipantau, didisiplinkan, dan dibentuk semula mengikut acuan Barat. Pendekatan ini selari dengan hujah Said (2014) yang menegaskan bahawa imperialisme beroperasi bukan sahaja melalui kekuatan ketenteraan dan ekonomi, tetapi juga melalui pembentukan pengetahuan dan representasi terhadap "bangsa yang dijajah". Dasar pendidikan, kebajikan, dan kesihatan yang diperkenalkan oleh BNBC mencerminkan usaha untuk membentuk tingkah laku, nilai, dan struktur sosial masyarakat tempatan agar sejajar dengan norma kolonial. Dalam kerangka ini, pendidikan dan kebajikan berfungsi sebagai instrumen ideologi yang mengabsahkan dominasi kolonial dengan menampilkan penjajahan sebagai satu proses pemodenan dan kemajuan, sedangkan fenomena ini sebenarnya mengukuhkan ketidakseimbangan kuasa antara penjajah dan yang dijajah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini cuba untuk melihat bagaimana Darwinisme Sosial dan White Man's Burden mempengaruhi penjajahan British ke atas Borneo Utara menerusi BNBC. Semestinya teori dan ideologi yang dikemukakan banyak memberi impak ke atas dasar dan tindakan yang telah dijalankan oleh BNBC dalam memodenkan wilayah ini termasuklah mentransformasikan penduduknya. Umumnya, histografi mengenai penjajahan selalunya ditekankan menerusi penjajahan yang berbentuk kepentingan ekonomi terhadap mereka. Namun dari sudut pandangan kajian ini, ianya cuba untuk menghuraikan bagaimana matlamat dan tindakan penjajahan tersebut bukan hanya dipelopori atas dasar ekonomi, tetapi juga atas dasar kebajikan sosial BNBC dalam memodenkan masyarakat di wilayah ini jika dilihat menerusi perspektif Darwinisme Sosial dan White Man's Burden. Maka, kajian ini akan membawa pelbagai kepentingan kepada pembaca khususnya dalam meneliti sejarah kemunculan Darwinisme Sosial dan White Man's Burden, dan bagaimana ianya mampu untuk mempengaruhi idea penjajahan barat khususnya British dalam melakukan penjajahan yang bukan hanya

bermotifkan ekonomi, serta bagaimana teori dan ideologi tersebut mendorong barat untuk mentamadunkan bangsa lain.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas sokongan pembiayaan dan fasiliti melalui geran penyelidikan UMSGREAT GUG0653-2 2023 yang telah banyak membantu kelancaran dan penyiapan kajian ini. Penghargaan terima kasih juga turut ditujukan kepada Borneo History dan Arkib Negeri Sabah atas kemudahan akses kepada bahan arkib, dokumen sejarah, dan sumber rujukan yang bernilai khususnya dalam menyokong penyelidikan berteraskan disiplin sejarah. Sokongan institusi-institusi ini telah memberikan sumbangan penting kepada pengumpulan data, analisis, dan penghasilan kajian ini secara keseluruhan.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Black, I. (1984): *A gambling style of government: the establishment of Chartered Company rule in Sabah 1878-1915*. – Oxford University Press 253p.
- [2] Claeys, G. (2000): "The survival of the fittest" and the origins of social darwinism. – *Journal of the History of Ideas* 61(2): 223-240.
- [3] Easterly, W. (2006): *The white man's burden: why the West's efforts to aid the rest have done so much ill and so little good*. – Penguin 436p.
- [4] Ferguson, N. (2003): *British Imperialism Revisited: The Costs and Benefits of "Anglobalization"*. – *Historically Speaking* 4(4): 21-27.
- [5] Gough, I., Runciman, G., Mace, R., Hodgson, G., Rustin, M. (2008): *Darwinian evolutionary theory and the social sciences*. – *Twenty-First Century Society* 3(1): 65-86.
- [6] Huff, G., Angeles, L. (2011): *Globalization, industrialization and urbanization in pre-World War II Southeast Asia*. – *Explorations in Economic History* 48(1): 20-36.
- [7] Knowles, L.C.A. (2022): *Economic development of the British overseas empire*. – Routledge 1592p.
- [8] Mail, R., Noordin, R., Rahim, M.S.A. (2014): *Sejarah amalan pengurusan kewangan dan perkembangan praktik perakaunan di Borneo Utara, 1881-1963*. – Penerbit Universiti Malaysia Sabah 286p.
- [9] Massey, A. (2006): *The political economy of stagnation British North Borneo under the Chartered Company, 1881-1946*. – Sabah State Archives 410p.
- [10] Nollet, L. (2013): *Social Darwinism in Thomas Hardy's Jude the Obscure and Tess of the d'Urbervilles*. – Ghent University 74p.
- [11] Osman, S. (1989): *The role of Governor DJ Jardine in improving the welfare of the indigenous people of Sabah, 1934-37*. – *Journal of Southeast Asian Studies* 20(2): 196-215.
- [12] Paul, D.B. (2003): *Darwin, social Darwinism and eugenics*. – *The Cambridge Companion to Darwin* 214: 1-28.
- [13] Riser, R.V. (2001): *The Burdens of Being White: Empire and Disfranchisement*. – *Alabama Law Review* 53(1): 243-272.

- [14] Rogers, J.A. (1972): Darwinism and social Darwinism. – *Journal of the History of Ideas* 33(2): 265-280.
- [15] Runciman, W.G. (2009): *The theory of cultural and social selection*. – Cambridge University Press 257p.
- [16] Said, E.W. (2014): *Culture and imperialism*. – Random House 407p.
- [17] Said, E.W. (1978): *Orientalism*. – Pearson 416p.
- [18] Scott, W.R. (1912): *The constitution and finance of English, Scottish and Irish joint-stock companies to 1720*. – Peter Smith 272p.
- [19] Shackelford, T.K., Weekes-Shackelford, V.A. (Eds.) (2021): *Encyclopedia of evolutionary psychological science*. – Cham: Springer International Publishing 8679p.
- [20] Singh, R. (2000): *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. – University of Malaya Press 364p.
- [21] Sullivan, A., Leong, C. (1981): *Commemorative history of Sabah, 1881-1981*. – Sabah State Government 632p.
- [22] Veblen, T. (2017): *The theory of the leisure class*. – Routledge 184p.
- [23] Weikart, R. (1993): The origins of social Darwinism in Germany, 1859-1895. – *Journal of the History of Ideas* 54(3): 469-488.